



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN AMALAN MOTIVASI PENGURUSAN
PENTADBIR SEKOLAH DENGAN KEPUASAN
KERJA GURU DALAM KALANGAN GURU-GURU
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
DI NEGERI PERAK**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FARAH MARDINAWATIEE BINTI KOMARUDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN AMALAN MOTIVASI PENGURUSAN PENTADBIR SEKOLAH
DENGAN KEPUASAN KERJA GURU DALAM KALANGAN GURU-GURU
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI NEGERI PERAK**

FARAH MARDINAWATIEE BINTI KOMARUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ¹².....(hari bulan).....¹¹.....(bulan).....²⁰²⁴.....

Perakuan pelajar:

Saya, FARRAH MARDINAWATIEE BINTI KOMARUDIN, M20211000309 FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk HUBUNGAN AMALAN PENGURUSAN PENTADBIR SEKOLAH DENGAN KEPUASAN KERJA GURU DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN, DI NEGERI PERAK adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PM. DR. ZAHARI BIN HASHIM dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN AMALAN PENGURUSAN PENTADBIR SEKOLAH DENGAN KEPUASAN KERJA GURU DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN, DI NEGERI PERAK dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

25.9.2023

Tarikh

ABOL MARYA DR. ZAHARI BIN HASHIM
PENSYARAH KANAN
Jabatan Pengurusan Pendidikan
Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN AMALAN PENGURUSAN PENTADBIR SEKOLAH
DENGAN KEPUASAN KERJA GURU DALAM KALANGANGURU-
GURU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN, DI NEGERIPERAK

No. Matrik / Matric's No.: M20211000309

Saya / I: FARRAH MARDINAWATIEE BINTI KOMARUDIN
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
i. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
ii. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
iii. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
iv. *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS


(Tandatangan) Pelajar / Signature)

Tarikh: 20.9.2023


PROF. MADYA DR ZAHARA BIN HASHIM
(Tandatangan Penyelia) Signature of Supervisor
& (Nama & Copi Rasmi) Name & Official Stamp
Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada PM. DR. Zahari bin Hashim selaku pensyarah dan penyelia akademik yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar, serta memberi panduan kepada saya sepanjang dalam proses penyelidikan untuk menghasilkan kajian ini. Tanpa bantuan, bimbingan dan tunjuk ajar daripada beliau yang sentiasa dan sudi meluangkan masa untuk bertemu dan berbincang tentang kajian ini secara terperinci, kajian ini pasti tidak akan dapat dilakukan dengan baik. Tidak dilupakan juga jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada penyelia akademik saya yang kedua dan telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar serta bimbingan, iaitu PM. DR. Jamal @ Nordin bin Yunus, yang telah menggantikan PM. DR. Zahari bin Hashim kerana telah bersara pada semester akhir pengajian saya. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ingin saya berikan kepada pihak UPSI dan semua staf sokongan UPSI termasuk juga staf sokongan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi UPSI yang telah banyak membantu saya dalam proses pembelajaran dan urusan saya di sini. Seterusnya, ucapan terima kasih juga saya zahirkan kepada pihak KPM kerana telah menaja pengajian Ijazah Sarjana saya melalui biasiswa HLP sepenuh masa. Seterusnya, saya juga ingin berterima kasih kepada pihak JPNP yang telah memberi kerjasama yang baik untuk saya berurusan dengan responden kajian yang seterusnya membolehkan saya menyiapkan kajian dengan baik. Selain itu, saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan sokongan daripada segi mental dan fizikal kepada saya serta perkongsian ilmu untuk meneruskan pengajian sehingga ke tahap ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyempurnakan kajian saya ini. Kata-kata semangat dan sokongan yang berterusan serta doa yang dititipkan secara langsung atau tidak langsung daripada semua pihak menjadikan saya untuk terus lebih berusaha dalam memastikan kajian saya dapat disiapkan tepat pada masanya. Seterusnya, sekalung penghargaan juga ingin saya berikan kepada keluarga saya terutamanya suami saya, Firdaus Al- Sidiq bin Fadzil yang sentiasa menyokong dan menyuntik kata-kata semangat kepada saya, serta lima orang putera kesayangan saya, Faathir al-Mubasyir, Fahim al-Mustaqim, Fateh al-Mujahid, Fathurrahim dan Fadzil Rizqi yang memahamikan menyokong tugas saya sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih sekalung budi buat kedua ibu bapa tersayang, Komarudin bin Abdullah dan Zunainah bt Adam, ahli keluarga serta keluarga mertua yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Semoga dengan penulisan kajian saya ini dapat menjadi penyumbang dalam perkembangan institusi ilmu serta membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pembangunan rangka kerja konsep yang tepat dalam merancang prosedur pemantauan berkaitan amalan pengurusan motivasi pentadbiran yang lebih berkesan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di negeri Perak.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah dengan tahap kepuasan kerja guru dalam kalangan guru-guru sekolah menengah kebangsaan di negeri Perak. Fokus kajian ini adalah pada empat dimensi utama amalan pengurusan pentadbir sekolah: pengiktirafan bukan kewangan, pembangunan profesional guru, persekitaran kerja, dan penglibatan dalam pengurusan sekolah. Tahap kepuasan kerja guru dinilai berdasarkan prestasi kerja, komitmen kerja, kesetiaan, dan pengekalan. Kajian ini juga mengenal pasti perbezaan tahap kepuasan kerja berdasarkan jantina, tahap pendidikan, dan tempoh perkhidmatan guru. Seramai 375 guru dari 12 buah sekolah menengah kebangsaan telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah soal selidik untuk pengumpulan data. Kebolehpercayaan instrumen disahkan dengan nilai Alpha Cronbach 0.942 untuk amalan motivasi pengurusan dan 0.944 untuk kepuasan kerja. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah berada pada tahap yang tinggi (min = 3.77, SP = 0.76), manakala tahap kepuasan kerja guru berada pada tahap sederhana (min = 3.60, SP = 0.63). Keputusan ANOVA sehala menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam kepuasan kerja berdasarkan tahap pendidikan ($F(2, 372) = 0.182, p = 0.834$) atau tempoh perkhidmatan guru ($F(3, 371) = 1.502, p = 0.213$). Walau bagaimanapun, ujian t-test mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam tahap kepuasan kerja berdasarkan jantina, di mana guru lelaki mencatatkan min kepuasan kerja yang lebih tinggi berbanding guru perempuan ($t = 4.73, p < 0.001$). Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara dimensi amalan motivasi pengurusan pentadbir dengan kepuasan kerja (nilai r antara 0.491 hingga 0.739, $p < 0.05$), kecuali pengekalan yang menunjukkan hubungan negatif lemah. Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini adalah penting untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha meningkatkan amalan motivasi pengurusan sekolah dan memperbaiki tahap kepuasan kerja guru. Kajian ini memberikan pandangan yang berguna mengenai amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah dan kesannya terhadap kepuasan kerja guru, serta mencadangkan penambahbaikan untuk masa hadapan dalam pengurusan pendidikan.





THE RELATIONSHIP OF SCHOOL ADMINISTRATORS' MOTIVATIONAL MANAGEMENT PRACTICES WITH TEACHERS' JOB SATISFACTION IN SECONDARY SCHOOLS IN THE STATE OF PERAK

ABSTRACT

This study aims to identify the relationship between school administrators' motivational management practices and teachers' job satisfaction among secondary school teachers in Perak. The focus of this study is on four main dimensions of school administrators' management practices: non-financial recognition, professional development of teachers, work environment, and involvement in school management. Teachers' job satisfaction is assessed based on job performance, work commitment, loyalty, and retention. The study also identifies differences in job satisfaction levels based on gender, education level, and length of service. A total of 375 teachers from 12 secondary schools were randomly selected as respondents. This study uses a quantitative approach with a questionnaire method for data collection. The reliability of the instrument was confirmed with a Cronbach's Alpha value of 0.942 for motivational management practices and 0.944 for job satisfaction. The results of the study show that school administrators' motivational management practices are at a high level (mean = 3.77, SD = 0.76), while teachers' job satisfaction is at a moderate level (mean = 3.60, SD = 0.63). One-way ANOVA results indicate no significant differences in job satisfaction based on education level ($F(2, 372) = 0.182, p = 0.834$) or length of service ($F(3, 371) = 1.502, p = 0.213$). However, t-test results show significant differences in job satisfaction based on gender, with male teachers reporting higher job satisfaction than female teachers ($t = 4.73, p < 0.001$). Pearson correlation analysis shows a significant positive relationship between the dimensions of school administrators' motivational management practices and job satisfaction (r values between 0.491 and 0.739, $p < 0.05$), except for retention, which shows a weak negative relationship. Overall, the implications of this study are important for the Ministry of Education Malaysia (KPM) in efforts to enhance school management motivational practices and improve teachers' job satisfaction. This study provides valuable insights into school administrators' motivational management practices and their impact on teachers' job satisfaction, and suggests improvements for future educational management.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Persoalan Kajian	15
1.7 Kerangka Teori Kajian	15
1.7.1 Teori Motivasi-Higiene (1967)	16
1.7.2 Teori Pertukaran Sosial oleh Homans (1958)	23
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	31

1.9	Kepentingan Kajian	34
1.10	Batasan Kajian	37
1.11	Definisi Operasional	39
1.11.1	Pentadbir Sekolah	39
1.11.2	Amalan motivasi pengurusan pentadbir Sekolah	40
1.11.3	Pengiktirafan Bukan Kewangan	41
1.11.4	Pembangunan Profesionalisme Guru	42
1.11.5	Persekitaran Kerja	43
1.11.6	Penglibatan dalam Pengurusan Sekolah	43
1.11.7	Kepuasan Kerja Guru	44
1.12	Rumusan	45

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	46
2.2	Teori Amalan motivasi pengurusan pentadbir Sekolah	47
2.3	Teori Sistem Ludwig von Bertalanffy (1950)	51
2.4	Teori Motivasi Higiene Herzberg (1966)	55
2.4.1	Rasional Pemilihan Teori Motivasi Higiene Herzberg (1966)	67
2.5	Perkembangan Teori Kepuasan Kerja Guru	75
2.5.1	Teori Hackman dan Oldham (1970-an)	77
2.5.2	Teori Keperluan Sosial Maslow (1950-an)	79
2.5.3	Teori Pertukaran Sosial Homans (1958)	86
2.5.4	Rasional Pemilihan Teori Pertukaran Sosial Homans, G. C. (1958)	87
2.6	Kajian Lepas Mengenai Keberkesanan Amalan Motivasi Pengurusan Pentadbir Sekolah	94
2.7	Kajian Lepas Mengenai Kepuasan Kerja Guru	98

2.8	Kajian Lepas Mengenai Hubungan Amalan Motivasi Pengurusan Pentadbir Sekolah dengan Kepuasan Kerja Guru	103
-----	--	-----

2.9	Rumusan	106
-----	---------	-----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	109
-----	------------	-----

3.2	Reka Bentuk Kajian	110
-----	--------------------	-----

3.3	Populasi Dan Pensampelan	112
-----	--------------------------	-----

3.3.1	Penentuan Saiz Sampel kajian	115
-------	------------------------------	-----

3.4	Lokasi Kajian	118
-----	---------------	-----

3.5	Instrumen Kajian	119
-----	------------------	-----

3.5.1	Instrumen Bahagian A: Maklumat Demografi	124
-------	--	-----

3.5.2	Instrumen Bahagian B: Amalan Pengurusan Pihak Pentadbir Sekolah	125
-------	--	-----

3.5.3	Instrumen Bahagian C: Kepuasan Kerja Guru	128
-------	---	-----

3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	130
-----	---	-----

3.6.1	Kesahan Muka	131
-------	--------------	-----

3.6.2	Kesahan Kandungan	132
-------	-------------------	-----

3.6.3	Ujian Kenormalan Skewness dan Kurtosis	133
-------	--	-----

3.6.4	Kebolehpercayaan Instrumen	139
-------	----------------------------	-----

3.6.5	Ujian KMO dan Bartlett untuk Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	150
-------	--	-----

3.7	Kajian Rintis	152
-----	---------------	-----

3.8	Prosedur Kajian	157
-----	-----------------	-----

3.9	Kaedah Menganalisis Data	161
-----	--------------------------	-----

3.9.1	Analisis Statistik Deskriptif	166
-------	-------------------------------	-----

3.9.2	Analisis ANOVA Sehala	170
-------	-----------------------	-----

3.9.3	Analisis Korelasi Pearson	179
-------	---------------------------	-----

3.10 Rumusan	191
--------------	-----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	193
----------------	-----

4.2 Profil Responden Kajian	194
-----------------------------	-----

4.3 Analisis Persoalan Kajian dan Hipotesis Kajian	196
--	-----

4.3.1 Apakah Tahap Amalan Motivasi Pengurusan Pentadbir Sekolah Di Negeri Perak?	196
--	-----

4.3.2 Apakah Tahap Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah Kebangsaan, Di Negeri Perak?	198
--	-----

4.3.3 Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Kepuasan Kerja Guru Yang Signifikan Berdasarkan Tahap Pendidikan Guru?	200
--	-----

4.3.4 Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Perak Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru?	202
---	-----

4.3.5 Adakah Terdapat Hubungan Antara Amalan Motivasi Pengurusan Pentadbir Sekolah Dengan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Perak?	205
--	-----

4.4 Korelasi dan Kesahan Diskriminan	211
--------------------------------------	-----

4.5 Ujian T-Test	215
------------------	-----

4.6 Rumusan	219
-------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

5.1 Pengenalan	220
----------------	-----

5.2 Ringkasan Kajian	221
----------------------	-----

5.3 Ringkasan Analisis Dapatan	225
--------------------------------	-----

5.3.1 Profil Responden	227
------------------------	-----

5.3.2 Tahap Kepuasan Kerja Guru Dan Tahap Amalan Motivasi Pengurusan Pentadbir Sekolah di Negeri Perak	228
--	-----

5.3.3	Perbandingan Amalan motivasi pengurusan pentadbir Sekolah Terhadap Tahap Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak Berdasarkan Tahap Pendidikan Guru Dan Tempoh Perkhidmatan Guru	231
5.3.4	Hubungan Yang Signifikan Antara Amalan Motivasi Pengurusan Pentadbir Sekolah Dengan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak	233
5.4	Perbincangan	234
5.4.1	Tahap Amalan Motivasi Pengurusan Pentadbir Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak	235
5.4.2	Tahap Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak	238
5.4.3	Hubungan Antara Amalan Pengurusan Pentadbir Sekolah dengan Kepuasan Kerja Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak	240
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	242
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	247
5.7	Rumusan	251
	RUJUKAN	254
	LAMPIRAN	266

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jumlah Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Mengikut Daerah dan Bilangan Sampel Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Yang Diperlukan Dalam Setiap Daerah di Negeri Perak	114
3.2	Cadangan Pemilihan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970)	116
3.3	Kandungan Soal Selidik	124
3.4	Taburan Item Bagi Dimensi Amalan motivasi pengurusan pentadbir Sekolah	127
3.5	Nilai Skala 5 Likert	127
3.6	Taburan Item Bagi Dimensi Kepuasan Kerja Guru	129
3.7	Pemarkahan Skor Tahap Kepuasan Kerja Guru	130
3.8	Nilai Skewness dan Kurtosis Pemboleh Ubah Pengurusan Pentadbir Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak	135
3.9	Nilai skewness dan kurtosis pemboleh ubah kepuasan kerja guru sekolah menengah kebangsaan di negeri Perak	137
3.10	Nilai Alpha Cronbach	140
3.11	Nilai Cronbach alpha untuk setiap soalan	141
3.12	Nilai untuk Ujian KMO dan Barleett untuk EFA	150
3.13	Kebolehpercayaan Soalan Selidik Kajian Rintis	157
3.14	Kaedah Menganalisis Data	164
3.15	Tafsiran Skor Min	168
3.16	Interpretasi hasil uji signifikasi korelasi Pearson	180

3.17	Interpretasi hasil uji signifikasi korelasi Pearson	180
3.18	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi Pearson	188
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina, Tempoh Perkhidmatan Guru, Tahap Akademik Guru dan Gred Pekerjaan	194
4.2	Nilai Min Tahap Amalan motivasi pengurusan pentadbir Sekolah, di Negeri Perak	196
4.3	Nilai Min Tahap Kepuasan Kerja Guru	199
4.4	Ujian Homogeniti Varians	201
4.5	Ujian ANOVA Tahap Kepuasan Kerja Guru Berdasarkan Tahap Pendidikan Guru	202
4.6	Ujian Homogeniti Varians	203
4.7	Ujian ANOVA Tahap Kepuasan Kerja Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru	205
4.8	Ujian korelasi Pearson Product Moment bagi menilai kekuatan hubungan antara amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah dengan kepuasan kerja guru sekolah menengah kebangsaan di negeri Perak	207
4.9	Korelasi dan kesahan diskriminan pemboleh ubah tidak bersandar dan hubungan antara amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah dan kepuasan kerja guru	211
4.10	Korelasi Antara Amalan Motivasi Pengurusan Pentadbir Sekolah dan Kepuasan Kerja Guru	212
4.11	Hubungan antara amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah dan kepuasan kerja guru	214
4.12	Analisis Ujian T-Test Mengikut Jantina	215
4.13	Ringkasan analisis dapatan kajian	217
5.1	Ringkasan ujian hipotesis	233

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori Kajian	30
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	31
3.1	Prosedur Kajian	160



SENARAI SINGKATAN

BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
GKMP	Guru Kanan Matapelajaran
IPG	Institut Pendidikan Guru
JCM	<i>Job Characteristic Model</i>
JPNP	Jabatan Pendidikan Negeri Perak
JS	<i>Job Satisfaction</i>
KK	Komitmen Kerja
KS	Kesetiaan
OECD	<i>Organization for Economic Cooperation and Development</i>
PBG	Pembangunan Profesional Guru
PBK	Pengiktirafan Bukan Kewangan
PG	Pengekalan
PK	Prestasi Kerja
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPS	Penglibatan Pengurusan Sekolah
RMK-11	Rancangan Malaysia Ke-11
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
STEM	Pendidikan Sains, Kejuruteraan dan Matematik





SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik
- B Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)
- C Analisis Kebolehpercayaan Item menggunakan SPSS 27.0
- D Kelulusan Menjalankan Kajian Di Sekolah JPN
- E Kelulusan Menjalankan Kajian Di Sekolah PPD Kinta Utara
- F Ujian Analisis Normaliti Skewnes dan Kurtosis
- G Journal of Evidence-Informed Social Work





BAB 1

PENDAHULUAN



Sektor pendidikan sentiasa menjadi tumpuan dalam rancangan pembangunan negara. Kajian Separuh Penggal RMK-11 telah menilai RMK-11 dan menetapkan matlamat ekonomi pelbagai dimensi untuk 2018-2020. Matlamat ini disokong oleh enam tonggak dasar, termasuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam, menggalakkan pembangunan dan kesejahteraan inklusif, menggalakkan pembangunan wilayah yang seimbang, melabur dalam modal insan, menggalakkan kelestarian alam sekitar, dan memupuk pertumbuhan ekonomi. Tunjang keempat, memberi tumpuan kepada modal insan, mengutamakan peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti untuk semua.





Matlamat utama pendidikan asas adalah untuk meningkatkan pendidikan STEM, penguasaan bahasa Inggeris, dan kemahiran berfikir kritis. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah diwujudkan untuk menambah baik keseluruhan sistem pendidikan dengan melaksanakan tadbir urus sekolah dan inisiatif yang berkesan. Pelan ini bertujuan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang kukuh, cekap, berkualiti tinggi, mampan dan berjaya dalam jangka masa 13 tahun (Kamarulzaman & Hashim, 2013). Amanat itu boleh direalisasikan dalam pelbagai laluan, peringkat dan jenis pendidikan apabila semua unit pendidikan dianjurkan dengan berkesan. Pentadbiran sekolah yang berkesan memerlukan pemimpin yang cekap dan berdedikasi yang memberi tumpuan kepada pendidikan, berusaha ke arah objektif yang sama, mengambil bahagian secara aktif dalam pengajaran, mempunyai standard yang tinggi, menggalakkan kerjasama, bertanggungjawab ke atas tindakan mereka, dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan bermotivasi (Supriyatna et.al., 2016).

Bagi mencapai matlamat pentadbiran yang berkesan, pengurusan merupakan perkara yang perlu diberi perhatian utama (Mohd Hanif et al., 2015). Pengurusan merupakan proses merancang, menyusun, menyelaras dan mengawal sumber- sumber yang ada supaya matlamat organisasi dapat dicapai. Pengurusan yang baik menggerakkan organisasi dalam persekitaran iklim yang berkesan kepada prestasikerja guru. Guru yang memiliki tahap kepuasan kerja yang tinggi mampu mempamerkan komitmen kepada organisasi selain memiliki keupayaan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Sahito & Vaisanen, 2019). Tanggungjawab pentadbir sekolah merangkumi mengawasi pelaksanaan aktiviti yang bertujuan untuk menjayakan program pendidikan, dengan matlamat untuk memberi manfaat kepada





kedua-dua pelajar dan guru melalui peningkatan prestasi dan kepuasan kerja (Bustang et al., 2020). Di sinilah peranan tugas pentadbir sekolah sangat signifikan dengan membentuk persekitaran sekolah yang dinamik ke arah pencapaian prestasi guru dan murid yang optimum.

Tanggungjawab pentadbir sekolah merangkumi tugas-tugas seperti perancangan strategik, menyelia kakitangan, dan melaksanakan pelarasan yang diperlukan berdasarkan pengenalan, organisasi, dan penyelesaian isu dalam persekitaran sekolah (Bustang et al., 2020). Kualiti sesebuah sekolah amat dipengaruhi oleh pelaksanaan kurikulum yang telah ditetapkan secara berkesan. Oleh yang demikian, pencapaian sesebuah sekolah berkait rapat dengan kepimpinan dalam institusi dan dedikasi dan komitmen guru. Pentadbir yang berwibawa dan cemerlang, arif tentang membawa hala tuju organisasi sekolah mereka ke arah kejayaan sebenar. Pentadbir mempunyai peranan penting dalam mereka bentuk strategi yang berjaya untuk melaksanakan program di sekolah. Adalah penting untuk memastikan bahawa struktur program sejajar dengan kemajuan teknologi semasa dan konsisten dengan matlamat yang ditetapkan dalam rancangan Transformasi Nasional 2050 (Arfan & Kiflee, 2018).

Faktor utama yang membawa kepada kejayaan sesebuah sekolah adalah disebabkan oleh pentadbir yang berperanan mengurus tadbir organisasi dan sumber-sumber yang dimilikinya, gaya pengurusan mereka, hubungan mereka dengan visi, nilai dan matlamat sekolah, dan pendekatan mereka untuk berubah (Kamarulzaman, 2010). Menurut Mortimore (1995), sekolah yang berkesan memiliki ciri-ciri pentadbir yang





berkepimpinan profesional dan mampu membina iklim sekolah yang berkesan dalam memotivasikan guru serta pelajar mencapai prestasi terbaik.

Justeru, guru memainkan peranan penting dalam memenuhi matlamat pendidikan dan sistem pentadbiran sekolah mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan prestasi serta kepuasan kerja guru (Ismail, 2021). Pentadbir yang cemerlang tidak akan mengabaikan keperluan iklim sekolah yang kondusif termasuk keperluan emosi dan motivasi guru-guru dalam penyeliaan mereka (Moran et al., 2012). Justeru, Jadi, untuk mencapai matlamat menyediakan pendidikan yang baik, adalah penting untuk mempunyai pelan yang kukuh dan sistem sokongan. Ini termasuk mempunyai cara yang baik untuk mengajar dan menyampaikan maklumat, serta mempunyai pemimpin yang berkesan.



1.2 Latar Belakang Kajian

Institusi pendidikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) adalah sebuah institusi pendidikan menengah di Malaysia yang terdiri daripada Tingkatan 1 hingga 5. SMK yang dikelola oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan menawarkan pelbagai mata pelajaran akademik dan kemahiran vokasional kepada pelajar berusia antara 13 hingga 17 tahun. Pelajar-pelajar SMK mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada akhir Tingkatan 5 sebagai kelayakan untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seperti universiti atau kolej. Pendidikan sekolah menengah adalah terdiri daripada sekolah akademik, sekolah teknik dan vokasional dan sekolah kebangsaan agama yang perlu dilalui dalam dunia pendidikan. SMK biasanya





menawarkan program pendidikan yang mempersiapkan para pelajar untuk memasuki alam kerjaya atau melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Institusi pendidikan mempunyai fungsi utama untuk menyediakan pelajar, bukan sahaja dari segi kuantiti tetapi juga dari segi kualiti yang meliputi kelayakan dan berdisiplin, mampu menjadi seorang yang dinamik, berinovasi, berrmotivasi dan pemacu pembangunan serta melahirkan tenaga kerja yang berkelayakan untuk pelbagai peringkat kepakaran.

Oleh itu, untuk mendapatkan pelajar yang baik, guru perlu bersedia dengan pengetahuan, kemahiran, dan semangat untuk pengajaran dan pembelajaran, dan mereka harus seronok berada di sekolah. Pentadbir sekolah, seperti pengetua dan guru penolong kanan, juga mempunyai peranan penting dalam menjadikan persekitaran pembelajaran yang baik. Itulah sebabnya Malaysia tahu adalah penting untuk menilai dan meningkatkan garis panduan untuk amalan pentadbiran yang baik (Saidin & Ahmi, 2019).

Pentadbiran yang baik terdiri daripada kepimpinan yang berkesan (yang ditubuhkan: visi organisasi, kejelasan tentang strategi dan objektif, peranan dan tanggungjawab), budaya berasaskan kejujuran dan keterbukaan, menyokong akauntabiliti (melalui pengurusan risiko dan pengurusan prestasi) dan akhirnya, membuat keputusan yang berkesan. Pentadbiran yang baik dalam sektor awam menggalakkan terutama dalam pengurusan sekolah mengetengahkan penerapan prinsip tadbiran yang boleh membolehkan membuat keputusan yang baik, mengukuhkan tanggungjawab untuk pengurusan sumber yang berkesan dan memastikan penggunaan sumber yang cekap.





Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pentadbir sekolah merupakan pengurus sekolah yang terdiri daripada barisan pentadbir sekolah yang terdiri daripada Pengetua dan Guru Penolong Kanan (pentadbiran, kokurikulum dan hal ehwal murid). Menurut kajian yang dijalankan oleh Ahrari et al., (2021), apabila guru terlibat secara aktif dalam pengurusan sekolah mereka, ia memberi kesan kepada kepuasan mereka terhadap tugas dan komitmen mereka terhadap sekolah. Memperkasakan guru termasuk memberi mereka pengiktirafan dan insentif, mewujudkan persekitaran kerja yang lebih baik, melibatkan mereka dalam proses membuat keputusan dalam sekolah, dan meningkatkan pembangunan profesionalisme guru.

Sebagai seorang pentadbir sekolah, terdapat beberapa amalan penting yang perlu dijalankan untuk memastikan pengurusan sekolah berjalan dengan berkesan dan efisien. Antara beberapa amalan penting yang perlu diambil kira oleh pentadbir sekolah ialah; Menetapkan matlamat yang jelas dan terperinci untuk sekolah mereka: ini termasuk matlamat akademik, sosial, dan emosi, serta matlamat berkaitan dengan kegiatan dan program di sekolah. Berkomunikasi dengan baik: pentadbir sekolah perlu berkomunikasi dengan baik dengan kakitangan, pelajar, dan ibu bapa. Komunikasi yang baik akan memastikan semua orang memahami tujuan dan matlamat sekolah, serta memastikan kejayaan murid dan kemajuan sekolah. Menerapkan disiplin: pentadbir sekolah perlu menegakkan disiplin dalam sekolah. Ini termasuk menetapkan peraturan dan prosedur yang jelas, dan memastikan pelajar dan kakitangan mematuhi. Mengutamakan keselamatan: keselamatan murid dan kakitangan harus menjadi keutamaan utama bagi pentadbir sekolah. Ini termasuk memastikan sekolah selamat dan bebas daripada bahaya fizikal dan kesihatan. Perkara ini secara tidak langsung akan





dapat mempengaruhi tahap kepuasan kerja guru dalam sekolah (Rahida Aini Ismail et al., 2020).

Kepuasan kerja adalah elemen penting di tempat kerja, merangkumi kesejahteraan emosi dan sikap pekerja semasa mereka menjalankan tugas mereka. Ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk ciri individu, sifat kerja, persekitaran kerja, dan hubungan dengan rakan sekerja (Abdul Rahman et al., 2019). Kepuasan kerja merujuk kepada tahap kepuasan seseorang terhadap pekerjaannya dan persekitarannya di tempat kerja. Tahap kepuasan kerja boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor, seperti persekitaran kerja, gaji, kebolehcapaian, sokongan sosial, dan tanggungjawab yang ditugaskan (Locke, 1976).



seseorang, antaranya ialah persekitaran kerja seperti seperti suasana kerja yang menyenangkan, kebersihan dan kebersamaan dalam organisasi dapat meningkatkan tahap kepuasan kerja. Penilaian kerja yang telus dan adil dapat meningkatkan kepuasan kerja seseorang. Sekiranya sistem penilaian yang tidak jelas atau tidak adil boleh menjejaskan motivasi dan tahap kepuasan kerja. Kepuasan kerja juga dapat dipengaruhi oleh keseimbangan kehidupan kerja dan peribadi. Memberikan fleksibiliti dalam jadual kerja dan waktu cuti boleh membantu meningkatkan tahap kepuasan kerja (Judge & Kammeyer-Mueller, 2012). Oleh hal yang demikian, pihak pentadbir sekolah perlu mengamalkan amalan motivasi pengurusan pentadbir yang betul dan efisien serta memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja guru seterusnya mengambil langkah-langkah yang bersesuaian sejajar dengan keperluan pendidikan





abad ke-21 dan selari dengan tuntutan ibu bapa dan guru-guru untuk meningkatkan prestasi sekolah secara menyeluruh.

Pihak pentadbir sekolah sebagai pucuk pimpinan utama di sekolah juga perlu memainkan peranan penting untuk memastikan guru-guru mendapat kepuasan kerja yang optimum. Ini termasuk memberikan persekitaran kerja yang menyenangkan, memberi gaji dan faedah yang adil, memberi peluang untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehcapaian, serta memberikan sokongan sosial dan keseimbangan kehidupan kerja dan peribadi. Dengan memenuhi keperluan dan kehendak guru-guru, pentadbir boleh meningkatkan kepuasan kerja dan produktiviti pekerja sebagai persiapan ke arah gelombang ketiga PPPM 2013- 2025.



1.3 Penyataan Masalah

Di Malaysia, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan taraf pendidikan; namun, hasilnya masih berada pada tidak memuaskan. Isu yang dihadapi adalah berkaitan dengan potensi faktor yang menyumbang kepada fenomena ini, termasuk kecekapan amalan pentadbiran, keberkesanan usaha guru, dan tahap motivasi dalam kalangan pendidik dalam memenuhi tanggungjawab mereka, akhirnya memberi kesan kepada kepuasan kerja mereka (Chelli & Rania, 2018). Dengan ini perlunya penyelidikan untuk melihat imbang di antara hubungan amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah dengan kepuasan kerja guru.





Sebagai pemimpin sekolah, adalah penting untuk menyokong dan memotivasikan guru untuk meningkatkan kepuasan kerja mereka. Kejayaan pendidikan di sekolah bergantung kepada sejauh mana pihak pengurusan mengendalikan tenaga pengajar. Ini boleh memberi kesan terhadap kepuasan guru, komitmen, kerjasama, pencapaian pelajar, dan kualiti pengurusan keseluruhan.

Berdasarkan kajian lepas, terdapat indikasi bahawa peratus kepuasan kerja guru di beberapa negara di seluruh dunia masih rendah. Terdapat kajian menunjukkan kurangnya sokongan daripada pihak pentadbir sekolah, beban kerja yang berlebihan, dan gaji yang rendah adalah beberapa faktor utama yang menyebabkan rendahnya peratus kepuasan kerja guru (Ishak & Rusman, 2018). Sebagai contoh, sebuah kajian yang dilakukan oleh Organisasi untuk Kerja Sama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) pada tahun 2016 menunjukkan bahawa hanya 67% guru di seluruh dunia yang berasa puas dengan pekerjaan mereka (Fackler & Malmberg, 2016). Tambahan pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa penurunan yang ketara dalam kepuasan kerja guru boleh dikaitkan dengan sokongan yang tidak mencukupi daripada pentadbir sekolah dan beban kerja yang berlebihan.

Di negara-negara tertentu, seperti Indonesia dan Malaysia, juga terdapat data yang menunjukkan bahawa peratus kepuasan kerja guru masih rendah. Sebuah kajian tinjauan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia pada tahun 2019 menunjukkan hanya sekitar 60% guru yang berasa puas dengan pekerjaan mereka (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, 2019). Sementara itu, sebuah kajian yang dilakukan oleh Universiti Malaya pada tahun 2018 menunjukkan hanya sekitar 30% guru di Malaysia yang berasa sangat berpuas hati dengan pekerjaan mereka





(Universiti Malaya, 2018). Berdasarkan data dan kajian tersebut, jelas menunjukkan bahawa kepuasan kerja kurang memuaskan di beberapa negara. Terdapat keperluan untuk menangani isu ini. Ingvarson et al. (2015) dalam kajiannya menunjukkan bahawa kepuasan kerja guru di sekolah adalah rendah disebabkan ramai guru yang berasa tidak puas dengan pekerjaan mereka kerana berasa tidak dihargai, terlalu banyak beban tugas dan tuntutan, serta kurangnya sokongan dari pihak pentadbir dan rakan sekerja. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa guru-guru yang berasa tidak puas dengan pekerjaan mereka cenderung berasa stres dan penat, serta mengalami tekanan emosi.

Begitu juga dengan kajian oleh Abdul Rahman et al. (2019) mendapati bahawa faktor-faktor seperti gaji yang tidak mencukupi, beban kerja yang tinggi, dan kurangnya penghargaan dari pihak atasan memberi kesan negatif terhadap kepuasan kerja guru di Malaysia. Kajian yang lainnya oleh Abd. Samad dan Bakar (2013) juga menunjukkan bahawa kepuasan kerja guru di Malaysia rendah akibat dari faktor-faktor seperti persekitaran kerja yang tidak kondusif, kurangnya sumber daya, dan kurangnya sokongan daripada pihak pentadbir.

Pada tahun 2009, Tugimin telah menjalankan kajian untuk menentukan sejauh mana kepuasan Guru Kanan Mata Pelajaran terhadap pekerjaan mereka dan bagaimana kepuasan ini dikaitkan dengan ciri demografi mereka. Kajian mendapati bahawa guru secara amnya mempunyai tahap kepuasan kerja yang sederhana, iaitu 71.2% daripada keseluruhan persepsi mereka. Selain itu, kajian itu mendedahkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara kepuasan kerja dengan faktor-faktor tertentu. Anjilus dan Talip (2018) menjalankan kajian kepuasan kerja guru di tingkatan enam daerah Penampang, Sabah. Tujuannya adalah untuk mengkaji bagaimana iklim dan





persekitaran organisasi mempengaruhi kepuasan kerja guru akademik dari segi peluang kenaikan pangkat, gaji, penyeliaan, prosedur kerja, dan hubungan dengan rakan sekerja. Kajian Hashim dan Marappan (2016) mengenai kepuasan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Tamil Daerah Kulai mendapati tahap kepuasan adalah sederhana bagi aspek seperti pekerjaan (3.38%), peluang kenaikan pangkat (3.30%), dan penyeliaan (3.52%), tetapi tinggi bagi hubungan dengan rakan sekerja (3.88%). Walau bagaimanapun, tahap kepuasan adalah rendah untuk gaji (2.94%).

Dalam kajian oleh Nawab Khan et al. (2020) di IPG Keningau Sabah, terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepuasan guru dalam kalangan kumpulan kakitangan yang berbeza. Kumpulan pengurusan dan profesional lebih berpuas hati dengan kerja mereka berbanding kumpulan pelaksana, terutamanya dari segi perhubungan di tempat kerja dan tugas dan tanggungjawab. Kajian itu mencadangkan bahawa pihak pengurusan harus mengambil langkah untuk memperbaiki hubungan dengan kumpulan pelaksana untuk menangani isu kepuasan kerja. Ini menyerlahkan kepentingan menangani kepuasan kerja di kalangan guru dan pendidik, serta peranan pentadbir. Menurut kajian Nawab Khan et al. (2020) menunjukkan tahap kepuasan kerja dalam kalangan pekerja di Malaysia adalah menurun.

Kajian ini juga mendapati sejak tahun 2000, sebanyak 50.5% daripada responden berpuas hati. Namun begitu, tahap kepuasan kerja mereka mulai menurun apabila usia mencecah 35 hingga 44 tahun. Penurunan kepuasan kerja kerana lebih banyak tekanan kerja dan pergantungan kepada teknologi merupakan isu serius yang harus ditangani oleh semua majikan. Apabila pekerja tidak berpuas hati dengan pekerjaan mereka, mereka lebih cenderung untuk bertindak tidak produktif,





menyebabkan masalah kepada organisasi. Ini boleh membawa kepada tingkah laku negatif seperti ketidakhadiran, kerosakan harta benda, kurang fokus pada tugas dan lain- lain.

Dalam penyelidikan yang dijalankan oleh Tawan et al. (2020) mendapati hanya 12% prestasi pengajaran guru yang disampaikan pada standard tinggi, 38% lagi mengikut standard yang memuaskan dan 50% pada tahap tidak memuaskan. Terdapat empat faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja iaitu: (a) faktor psikologikal; (b) faktor sosial; (c) faktor fizikal; dan (d) faktor kewangan. Faktor psikologi terdiri daripada faktor yang berkaitan dengan interaksi sosial antara sesama ahli organisasi, perhubungan dengan pengarah atasan terdekat, dan pekerja dengan fungsi kerja yang berbeza (Nawab Khan et al., 2020).



Faktor fizikal terdiri daripada faktor yang berkaitan dengan keadaan fizikal persekitaran kerja. Faktor kewangan, yang terdiri daripada sistem dan saiz gaji dan elaun. Dalam kajian yang dijalankan oleh Fazriyah et. al. (2019) antara faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja guru ialah (a) penglibatan semua pihak berkepentingan diperlukan dalam mengatur, melaksana dan menyelia pelaksanaan rancangan program sekolah; (b) ketersediaan tenaga kerja, infrastruktur, kemudahan dan pembiayaan yang mencukupi untuk setiap satu program sedia ada; (c) sokongan semua pihak berkepentingan, masyarakat, dan agensi yang aktif berkaitan dengan kepuasan kerja guru; (d) melaksanakan pemantauan dan penilaian teratur dan berjadual. Kajian terdahulu menyatakan bahawa prestasi muktamad dalam persekitaran pendidikan bergantung sepenuhnya pada aset utama sekolah terutamanya guru. Di Malaysia, sektor pendidikan telah berkembang dengan ketara dengan melancarkan





Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025). Pelbagai penganalisis berpendapat bahawa ciri-ciri statistik responden bersama-sama dengan persekitaran kerja seperti susunan birokrasi kerajaan dan organisasi, rangka kerja emolumenten, beban kerja, hubungan rakan sekerja, dan keseimbangan kehidupan kerja, melaraskan faktor kritikal kerja pekerja yang digambarkan kepuasan. Walaupun banyak kajian telah dijalankan atas dasar kepuasan kerja, perkaitan semasa mengenai dasar keseimbangan kerja-kehidupan dan peranan pentadbir sekolah masih memberi kesan yang terhad kepada kepuasan kerja di kalangan guru masih terhad di Malaysia (Aziz et al., 2018).

Oleh itu, berdasarkan isu dan isu yang wujud dalam amalan motivasi pengurusan pentadbir yang mempengaruhi kepuasan kerja guru di Malaysia, dapat disimpulkan bahawa peratusan kepuasan kerja guru masih rendah di beberapa negara. Ketiadaan sokongan daripada pentadbir sekolah, beban kerja yang berlebihan, dan gaji yang rendah adalah beberapa punca utama kepuasan kerja guru yang rendah (Fazriyah et al., 2019). Kajian ini mengenal pasti pelbagai aspek amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah yang kurang diperhatikan dalam kajian sebelumnya. Ini termasuk pengiktirafan bukan kewangan, pembangunan profesional guru, persekitaran kerja, dan penglibatan dalam pengurusan sekolah. Tujuannya adalah untuk melihat aspek pengurusan dan pentadbiran sekolah serta isu beban kerja dan pampasan, yang keduanya mempunyai kesan yang sama besar terhadap kepuasan kerja guru.





1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah dengan kepuasan kerja guru dalam kalangan guru-guru sekolah menengah kebangsaan di negeri Perak.

1.5 Objektif Kajian

1. Menentukan tahap amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah di sekolah menengah kebangsaan, di negeri Perak.
2. Menentukan tahap kepuasan kerja guru sekolah menengah kebangsaan, di negeri Perak.
3. Mengenal pasti perbezaan tahap kepuasan kerja guru sekolah menengah kebangsaan, di negeri Perak berdasarkan tahap pendidikan guru.
4. Mengenal pasti perbezaan tahap kepuasan kerja guru sekolah menengah kebangsaan, di negeri Perak berdasarkan tempoh perkhidmatan guru.
5. Menentukan hubungan antara amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah dengan kepuasan kerja guru sekolah menengah kebangsaan, di negeri Perak.
6. Mengenal pasti perbezaan tahap kepuasan kerja guru sekolah menengah kebangsaan berdasarkan jantina.





1.6 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah di sekolah menengah kebangsaan, di negeri Perak?
2. Apakah tahap kepuasan kerja guru sekolah menengah kebangsaan, di negeri Perak?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap kepuasan kerja guru yang signifikan berdasarkan tahap pendidikan guru?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap kepuasan kerja guru yang signifikan berdasarkan tempoh perkhidmatan guru?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah dengan kepuasan kerja guru sekolah menengah kebangsaan, di negeri Perak?
6. Adakah terdapat perbezaan tahap kepuasan kerja guru sekolah menengah kebangsaan berdasarkan jantina?

1.7 Kerangka Teori Kajian

Fokus kajian ini adalah untuk melihat hubungan amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah dengan kepuasan kerja guru dalam kalangan guru-guru sekolah menengah kebangsaan di negeri Perak. Dalam aspek amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah, kajian ini adalah berdasarkan kepada Teori Motivasi-Higiene (1967), manakala bagi kepuasan kerja gurupula adalah berdasarkan Teori Pertukaran Sosial oleh Homans (1974). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui





pengedaran soal selidik yang direka khusus untuk mengumpul data berkaitan dengan persepsi guru-guru terhadap amalan motivasi pengurusan pentadbir sekolah mereka dan tahap kepuasan kerja mereka. Analisis data telah dilakukan menggunakan teknik statistik deskriptif dan inferensi untuk mengenal pasti corak dan hubungan yang signifikan antara dua variabel utama kajian ini. Hasil kajian diharapkan dapat memberikan pandangan baru mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja guru serta memberikan cadangan yang praktikal untuk penambahbaikan pengurusan pentadbir sekolah di negeri Perak.

1.7.1 Teori Motivasi-Higiene (1967)

Teori Motivasi-Higiene atau Teori Dua Faktor Herzberg terus berkembang sejak diperkenalkan pada tahun 1959. Pada tahun 1967, Herzberg mengembangkan dan memperbarui teorinya dengan menekankan lebih kepada pengaruh faktor motivasi dan higien terhadap perilaku pekerja. Menurut Herzberg (1967), faktor-faktor motivasi jauh lebih penting daripada faktor-faktor higien dalam memotivasi pekerja. Faktor-faktor higien hanya dapat memberikan kepuasan sementara, sedangkan faktor-faktor motivasi yang mempengaruhi prestasi pekerja lebih berperanan dalam memberikan kepuasan yang sebenar dan meningkatkan produktiviti kerja. Oleh yang demikian, pihak pengurusan dan organisasi harus memberikan perhatian lebih terhadap faktor-faktor motivasi dan menciptakan lingkungan kerja yang menyokong peningkatan dan pembangunan diri pekerja (Basar et al., 2021).





